

LONG CALL 25 June 2020 Session 1

Bismillahirrahmanirahim

Assalamualaikum w.b.t. dan salam sejahtera kepada:

- (1) Tuan Nabilalif Mohd Rosli, yang hadir bagi pihak Yang Berhormat Peguam Negara Malaysia
- (2) Cik Radiance Chin Khee Yong, yang hadir bagi pihak Jawatankuasa Peguam Melaka dan menyebut bagi pihak Majlis Peguam Malaysia
- (3) peguam pengusul, peguam-peguam pengajar
- (4) tuan-tuan, puan-puan yang hadir pada upacara penerimaan masuk peguam pada hari ini.

Mahkamah mengucapkan tahniah kpd pempetisyen-pempetisyen yang telah diterima masuk dan didaftarkan sebagai Peguambela dan Peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya sebentar tadi.

Mahkamah juga ingin mengucapkan tahniah kpd semua ibu bapa pempetisyen-pempetisyen di atas kejayaan anak tuan dan puan. Hari ini pasti satu hari yang membanggakan kepada semua ibu bapa khususnya tetapi juga kepada kaum keluarga secara am.

Pempetisyen-pempetisyen – anda perlu ingat dan bersyukur dengan rahmat yang telah dilimpahkan kpd anda. Ingatlah kasih sayang dan sokongan, dlm semua bentuk, drp ibu bapa anda dan drp individu-individu yg penting di dalam hidup anda.

Berbekalkan segulung ijazah, anda memulakan latihan dalam kamar. Dari hari ini, anda memulakan langkah pertama anda sebagai insan yang digelar “Peguambela dan Peguamcara”. Di permulaan perjalanan anda sebagai sebagai seorang Peguambela dan Peguamcara, ada beberapa perkara yang anda mesti mula amalkan dan terus amalkan.

Di dalam dunia moden kini, kehidupan dengan berbagai alat, atau sekarang lebih dikenali sebagai peranti, membolehkan seseorang individu atau kumpulan individu berurusan dengan seorang individu atau kumpulan individu lain dalam sekelip mata. Kebanyakan perkara dibuat dan disudahkan dalam masa yang tercepat. Kadangkala, “etiquette, custom and traditions” diketepikan dalam mengejar hasil atau kesudahan.

Walau bagaimanapun, di dalam profession undang-undang, seorang Peguambela dan Peguamcara perlu menjalankan amalan berlandaskan, antara lain, “etiquette, customs and traditions”.

Akta Profession Undang-Undang 1976 mempunyai “Legal Profession (Practice and Etiquette) Rules 1978”. Majlis Peguam pula telah mengeluarkan “Rules and Rulings of Bar Council Malaysia” – dikemaskini setakat 18.2.2019.

Pempetisyen-pempetisyen yang hadir – sebagai Peguambela dan Peguamcara yang baru berada di permulaan perjalanan, anda perlu melengkapi diri anda dengan mengenali peruntukkan-peruntukkan sedemikian.

Penekanan mengenai cara seorang Peguambela dan Peguamcara sepatutnya menjalankan amalannya dinyatakan dengan terperinci di dalam Legal Profession (Practice and Etiquette) Rules 1978.

Beberapa contoh untuk dikongsi bersama:

“Rule 6 Legal Profession (Practice and Etiquette) Rules 1978

- (a) An advocate and solicitor shall not accept any brief unless he is reasonably able to appear and represent the client on the required day.*
- (b) An advocate and solicitor shall not ordinarily withdraw from an engagement once accepted, without sufficient cause and unless reasonable and sufficient notice is given to the client.”*

*“Rule 12 Legal Profession (Practice and Etiquette) Rules
1978*

An advocate and solicitor shall not conduct a civil case or make a defence which is intended merely to delay proceedings or to harass or injure the opposite party or to work oppression or wrong.”

*“Rule 13 Legal Profession (Practice and Etiquette) Rules
1978*

An advocate and solicitor shall guard against being made the channel for questions which are only intended to insult or annoy, and to exercise his own judgment as to the substance and form the question put.”

*“Rule 20 Legal Profession (Practice and Etiquette) Rules
1978*

(a) An advocate and solicitor shall put before the Court any relevant binding decision of which he

is aware which is immediately in point, whether it be for or against his contention.

(b) This rule applies with particular importance in ex-parte proceedings.”

Di dalam “Rules and Rulings of Bar Council Malaysia”, terdapat berbagai bab mengenai berbagai isu berkenaan amalan seorang Peguambela dan Peguamcara. Satu bab yang khusus iaitu Bab 14 adalah mengenai “Professional Practice”.

Perhatian Pempetisyen-pempetisyen dibawa kepada Ruling 14.01 yang berbunyi:

“14.01 Courtesy

(1) An Advocate and Solicitor calling another Advocate and Solicitor on the telephone should be on the line first and ready to speak once the call is put through.

(2) An Advocate and Solicitor must promptly reply to correspondence from other Advocates and Solicitors, the Bar Council, State Bar Committees, clients and former clients.

(3) An Advocate and Solicitor or his/her firm must accept all correspondence from another Advocate and Solicitor or another firm.”

Bagi topik “custom and traditions” pula, satu cara yang senang utk melihat “custom and traditions” ini adalah dengan anda hadir di Mahkamah dan memerhatikan bagaimana peguam kanan mengendalikan kes mereka di Mahkamah. Ingin ditekankan di sini ada beberapa perkara yang mudah dilakukan tetapi sering kali tidak dilakukan. Contohnya, apabila tiba di Mahkamah dan sebelum kes anda bermula, Peguambela yang lebih muda hendaklah memperkenalkan diri kepada Peguambela yang lebih kanan. Apabila kes anda dipanggil di hadapan Mahkamah, jika anda adalah

mewakili plaintiff/pemohon, anda mesti memperkenalkan bukan sahaja diri anda tetapi juga peguam yang mewakili pihak lawan. Semasa kes dibicarakan, peguam yang mewakili pihak lawan sentiasa dipanggil sebagai “rakan saya yang bijaksana”.

Petikan dari kata-kata Lord Clarke of Stone-cum-Ebony* semasa memberi syarahan bertajuk “*Ethics and Civil Procedure*” pada 14 September 2011 adalah sesuai.

“...civility is courtesy, dignity, decency and kindness. It has been defined in the Virginia Bar Associations’ Creed as follows:

Courtesy is neither a relic of the past nor a sign of less than fully committed advocacy. Courtesy is simply a mechanism by which lawyers can deal with daily

conflict without damaging their relationship with their fellow lawyers and their own well-being.

Civility is not inconsistent with zealous advocacy. You can be civil while you are aggressive, upset, angry and intimidating; you're just not allowed to be rude. Unfortunately, some lawyers and the public don't understand the difference."

Perkara-perkara yang ditekankan janganlah diambil sebagai remeh dan membuang masa. Kejayaan anda sebagai seorang Peguambela dan Peguamcara bukan sahaja diukur dari segi berapa banyak kes yang anda menang di Mahkamah atau berapa jutaan ringgit transaksi yang anda lengkapkan untuk anakguam.

Ingatlah bahawa amalan undang-undang bukan satu "profession" tetapi adalah satu "honourable profession". Sebagai ahli-ahli yang terbaharu,

Pempetisyen-pempetisyen bukan sahaja patut – tetapi mesti – memelihara martabat anda dan martabat semua Peguambela dan Peguamcara.

Sekali lagi Mahkamah ini mengucapkan tahniah kpd pempetisyen-pempetisyen semua dan semoga setiap anda berjaya di dalam kerjaya anda.

[Mahkamah bersurai]

+++++

Foot note *

Anthony Peter Clarke, Baron Clarke of Stone-cum-Ebony PC QC (born 13 May 1943) is a British lawyer.^[1] He was one of the first 11 Supreme Court of the United Kingdom Justices, and was the first High Court judge to be appointed directly to that court when it came into existence on 1 October 2009 without previously having sat as a Lord of Appeal in Ordinary. He was appointed to the Court of Final Appeal of Hong Kong on 11 April 2011 as a non-permanent judge.^[2] He was previously Master of the Rolls and Head of Civil Justice in England and Wales. He retired from the Supreme Court in September 2017.